

PM: OIC perlu bergerak sebagai blok ekonomi

Oleh HATA WAHARI dan RAJA LUVENA

KUALA LUMPUR 7 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) perlu bergerak sebagai sebuah blok ekonomi yang berkesan bagi mempengaruhi hubungan perdagangan antarabangsa.

Perdana Menteri menegaskan, sekiranya negara-negara OIC tidak memersetujui untuk bergerak sebagai sebuah blok ekonomi, negara-negara Islam berhadapan dengan risiko menanggung persaingan yang hebat daripada sistem perdagangan global.

“Saya percaya perkara ini amat penting memandangkan kerjasama antara negara dan perjanjian perdagangan antarabang-

sa yang mengikat negara peserta termasuk di kalangan negara-negara anggota OIC semakin berpengaruh.

“Dalam usaha untuk menjadi blok ekonomi yang berkesan dan mampu mempengaruhi perdagangan antarabangsa, OIC perlu mewujudkan kumpulan ekonomi massa,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan utama Forum Perniagaan OIC Kedua di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Forum yang bertema *Menggerakkan Kekuatan untuk Kemakmuran, Pemyatuan dan Berkongsi Masa Depan* dihadiri kira-kira 500 peserta dari 57 negara anggota OIC merupakan siri kedua selepas kali pertama dianjurkan sempena Sidang Kemuncak OIC Sesi Ke-10 di

Putrajaya pada Oktober tahun lalu.

Forum anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Kementerian Luar itu turut dihadiri Timbalan Menteri Luar, Datuk Joseph Salang Gandum; Presiden ASLI, Mirzan Mahathir dan Presiden Persatuan Selatan-Selatan Malaysia, Tan Sri Azman Hashim.

Pada majlis itu juga Abdullah turut melancarkan buku *Managing Partnership-Unlocking Economic Potential Growth and Development in Muslim Countries* kelolaan Ketua Pegawai Eksekutif ASLI, Datuk Dr. Micheal Yeoh.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC berkata, OIC sebagai badan yang menjadi payung kepada negara-negara Islam, perlu mengkaji pembangunan ekonomi negara-negara Islam.

UM - 8/10/2004 : 2 Perdan

Beliau memberitahu, walaupun mewakili satu per lima atau 1.25 bilion penduduk dunia sera dikurniakan dengan sumber asli yang banyak, negara-negara anggota OIC adalah miskin dan tidak berupaya untuk bersaing dengan ekonomi-ekonomi lain.

Ujarnya, beliau merasa sedih bahawa negara-negara anggota OIC kelihatan menghadapi kesukaran untuk merubah sumber-sumber asli yang banyak untuk membantu mencapai kejayaan ekonomi.

Tambah beliau, negara-negara anggota OIC yang kaya pula tidak melabur di dalam negara-negara anggota yang lain.

“Keadaan itu diburukkan lagi dengan keadaan di mana suara kita tidak dipedulikan semasa berurusan dengan kuasa-ku-

sa besar Barat termasuk ketika rundingan kewangan dan multilateral,” katanya.

Tegas Perdana Menteri, penyelesaiannya boleh dicapai dengan berfikir secara kolektif dan bertindak bersama.

Perdana Menteri memberitahu, pembangunan politik dan ekonomi berjalan seiringan kerana kekuatan politik tidak dapat dicapai jika pencapaian ekonomi lemah.

“Umat Islam perlu mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan pencapaian ekonomi masing-masing yang termasuk perdagangan dan pelaburan.

“Pemahaman terhadap projek-projek tertentu seperti pengeluaran makanan halal atau produk dan perkhidmatan lain seperti melalui pertanian kontrak atau pengeluaran



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan Menteri Ekonomi Qatar, Mohamed A. Aithani selepas merasmikari Forum Perniagaan OIC di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

kontrak perlu dipertingkatkan,” katanya.

Sebagai tambahan, beliau berkata, penggabungan sumber dan usaha yang diselaraskan untuk mengukuhkan pembangu-

nan ekonomi dalam negara-negara anggota boleh dilakukan secara menghulurkan bantuan kewangan.

Abdullah menegaskan, Malaysia bersedia untuk

bekerjasama dalam bidang-bidang seperti permodenan bidang pertanian dan pembangunan infrastruktur serta sistem kewangan Islam.